

# Exco Pemuda UMNO bincang pilihanraya

KUALA LUMPUR, Isnin — Persediaan bagi menghadapi pilihanraya yang akan datang merupakan perkara utama yang akan dibincangkan dalam mesyuarat Exco Pergerakan Pemuda UMNO Malaysia 25 Februari ini.

Seperti biasa mesyuarat itu akan dipengerusikan oleh ketuanya, Datuk Haji Suhaimi bin Datuk Haji Kamaruddin, yang juga Timbalan Menteri Pelajaran.

Datuk Haji Suhaimi memberitahu memandangkan pilihanraya itu sudah hampir, sudah sampailah masanya Pergerakan Pemuda menyusun strateginya bagi menghadapi pilihanraya itu.

Tetapi mesyuarat itu tidak akan membincangkan

nama atau jumlah yang patut diberikan kepada Pemuda untuk bertanding dalam pilihanraya, katanya.

## Permintaan

Menurut Datuk Haji Suhaimi permintaan seperti ini tidak perlu dibuat dan dibincangkan kerana selama ini pun pucuk pimpinan UMNO telah banyak memberikan kepercayaan kepada Pemuda UMNO yang merupakan barisan pelapis.

Barisan pelapis ini telah dijalankan bukan saja di peringkat pusat

tetapi juga di peringkat negeri.

Saya merasa yakin pucuk pimpinan UMNO yang ada sekarang akan terus mengamalkan konsep itu memandangkan kejayaan yang dicapai oleh mereka yang diberikan kepercayaan itu, tambahnya.

Bagaimanapun, Datuk Haji Suhaimi berharap bilangan itu akan dapat ditingkatkan dan sambil itu pula tokoh-tokoh lama yang berpengalaman dan banyak memberikan sumbangan kepada negara tidak

akan diketepikan.

Beliau berharap sikap lobi-melobi tidak akan timbul semasa menjelang pilihanraya.

## Keputusan

Biarlah pucuk pimpinan menggunakan kebijaksanaannya dalam membuat pilihan dan keputusan, katanya lagi.

Mengenai mesyuarat agung cawangan dan bahagian-bahagian yang sedang berjalan sekarang beliau berkata persidangan itu hendaklah dijalankan dengan bersih dan licin,

jauhkanlah sebarang sengketa dan perselisihan.

Datuk Haji Suhaimi berkata pertandingan merebut jawatan pucuk pimpinan di peringkat-peringkat cawangan, bahagian dan pusat merupakan proses biasa.

"Jangan pula dijadikan gelanggang pemilihan itu untuk mencari sengketa yang boleh membawa perselisihan, dan perpecahan di kalangan ahli-ahli parti lebih-lebih lagi semasa menghadapi pilihanraya tidak lama lagi, tambahnya. — Bernama.